

02/10/2003

Kriteria pilih angkasawan

LANGKAWI: Jawatankuasa Kerajaan Mengenai Pemilihan Angkasawan Negara akan mengadakan mesyuarat tidak lama lagi bagi menentukan kriteria pemilihan angkasawan.

Menteri Pertahanan yang juga pengerusi jawatankuasa itu, Datuk Seri Najib Razak, berkata Agensi Angkasa Negara (AAN) akan bertanggungjawab menyelaraskan usaha bagi mengiklan, menapis, menemuduga serta memilih angkasawan negara pertama itu.

Malaysia akan menghantar angkasawannya yang pertama pada 2005 menerusi program bersama Russia sebagai sebahagian daripada perjanjian pembelian pesawat pejuang Sukhoi SU-30MKM bernilai USD900 juta.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet di Rumah Kabinet, Gunung Raya di sini yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Mesyuarat mingguan itu turut dihadiri timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan menteri Kabinet lain.